



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

1 OGOS 2025

PENGAKTIFAN LENCONGAN JALAN DI LALUAN ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT GAMBIR-TANGKAK DI KM166.79 - KM168.26 (KEDUA-DUA ARAH) DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN UNTUK KERJA PEMBINAAN JAMBATAN

Petaling Jaya, 1 Ogos 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa lencongan jalan akan diaktifkan secara berperingkat di laluan antara Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir - Tangkak di KM166.79 hingga KM168.26 (Kedua-dua Arah) di Lebuhraya Utara-Selatan mulai 5 Ogos hingga 30 Disember 2025.

Ini bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan jambatan oleh kontraktor Jabatan Kerja Raya melintasi Lebuhraya Utara-Selatan dilaksanakan secara berperingkat.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuh raya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.


-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

| | |
|---|--|
| Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mash_itah@plus.com.my | Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my |
|---|--|

PENGAKTIFAN LENCONGAN JALAN DI LALUAN ANTARA PERSIMPANGAN BUKIT GAMBIR-TANGKAK DI KM166.79-KM168.26 (KEDUA-DUA ARAH) DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN

Dijadualkan pada 5 Ogos hingga 30 Disember 2025



Petunjuk:

— Kawasan kerja dan penutupan

• Penghadang jalan plastik

→ Arah aliran kendaraan

Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my

PLUSLine 1800-88-0000

Aplikasi PLUS

PUTRI


Ahli Kumpulan UEM 